



Cara IRC

INTEGRITI | KEBERTANGGUNGJAWABAN | PERKHIDMATAN

Standard Tingkah Laku
Profesional Kami

KANDUNGAN

Mesej Kepimpinan	1
Nilai-nilai Kami.....	2
Prinsip Panduan	2
Tanggungjawab Bersama Kami dalam Mendukung Kod ini	3
Komitmen Kami terhadap Rakan Sekerja Kami	4
Komitmen Kami terhadap Klien Kami	6
Komitmen Kami terhadap Penderma Kami	8
Komitmen Kami terhadap Pembekal Kami.....	10
Komitmen Kami terhadap Rakan Kongsi Kami.....	12
Komitmen Kami terhadap Organisasi Kami.....	14
Komitmen Kami terhadap Masyarakat.....	16
Mendapatkan Bantuan	18
Cara Mengenal Pasti Dilema Etika	18
Kewajipan Anda untuk Bersuara	18
Saluran untuk Mengemukakan Kebimbangan.....	19
Cara untuk Mengemukakan Kebimbangan.....	20
Talian Etika dan Pematuhan	21
Ketanpanamaan dan Kerahsiaan.....	21
Dasar Antitindak Balas	22
Keresponsifan	22
Penguatkuasaan	23

Mesej Kepimpinan

Rakan-rakan yang Dihormati:

Suka cita saya kongsi bersama anda Cara IRC: Standard Tingkah Laku Profesional Kami.

Cara IRC telah lama wujud sebagai Tatakelakuan kami, yang menghuraikan tiga nilai teras kami iaitu **Integriti**, **Perkhidmatan** dan **Kebertanggungjawaban**, serta usaha-usaha daripada nilai ini. Nilai-nilai dan usaha-usaha ini menyatukan kakitangan IRC di seluruh dunia dan memastikan program kami benar-benar ditujukan untuk kesejahteraan klien kami serta memenuhi hasrat para penderma kami selaku pengawas sumber mereka yang bertanggungjawab.

Tujuan dokumen ini adalah untuk memastikan bahawa kami melaksanakan kerja mengikut prinsip etika dan moral yang menyokong panggilan kemanusiaan kami. Dasar sahaja adalah tidak mencukupi jika ia tidak dapat diterjemahkan ke dalam tindakan. Itulah sebabnya Kod kami telah diperluaskan untuk merangkumi langkah-langkah praktikal yang anda boleh ikuti melalui Cara IRC, dan contoh-contoh kebimbangan yang perlu dibangkitkan bagi respons yang betul.

Kod ini tidak bertujuan untuk menjadikan anda pakar dalam setiap isu, tetapi lebih kepada membantu anda mengenal pasti risiko, mendapatkan bimbingan dan membuat pilihan yang betul. Kita mesti sentiasa berwaspada terhadap jurang antara dasar dengan amalan dan berusaha untuk menutup jurang ini. Dokumen ini direka untuk kakitangan tetapi juga harus dikongsi bersama para rakan kongsi, penderma dan penyokong yang lain, supaya mereka dapat melihat standard yang kami komited untuk lakukan.

Sila sertai saya dalam menegaskan komitmen kami terhadap Cara IRC, dan dalam mempromosikan nilai-nilai IRC dalam semua perkara yang kita lakukan.



Yang Ikhlas,

David Miliband
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif



Nilai-nilai Kami

Integriti

Kami bersikap terbuka, jujur dan boleh dipercayai dalam berurusan dengan klien, rakan kongsi, rakan sekerja, penderma, pembiayaan dan komuniti yang kami hadapi.

Kebertanggungjawaban

Kami bertanggungjawab—secara individu dan kolektif—terhadap tingkah laku, tindakan dan keputusan kami.

Perkhidmatan

Kami bertanggungjawab terhadap orang yang menerima perkhidmatan kami dan penderma yang menggunakan perkhidmatan kami.

PRINSIP PANDUAN

Kami menyokong *Tatakelakuan ini untuk Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa dan NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) dalam Bantuan Malapetaka*. Kami berpanduan pada teras prinsip-prinsip kemanusiaan, termasuk kemanusiaan, ketidakadilan, keberkecualian dan kebebasan. Oleh yang demikian:

- **Motivasi utama kami untuk memberikan respons terhadap bencana adalah untuk meringankan penderitaan manusia dalam kalangan ahli masyarakat yang paling lemah. Kami mengiktiraf kewajipan kami untuk memberikan bantuan kemanusiaan di mana-mana sahaja yang diperlukan;**
- **Bantuan yang kami huluskan adalah tanpa mengira bangsa, kepercayaan atau kewarganegaraan penerima, dan tanpa apa jua jenis perbezaan yang tidak menyenangkan. Keutamaan bantuan dikira atas dasar keperluan;**
- **Bantuan kami tidak akan digunakan untuk memajukan apa-apa pandangan politik atau agama tertentu, dan kami juga tidak akan mengikat janji, menyerah atau menghulurkan bantuan demi merangkul atau menerima sesuatu fahaman politik atau kepercayaan agama tertentu; dan**
- **Kami akan berusaha untuk tidak bertindak sebagai instrumen dasar kerajaan. Kami tidak akan membenarkan diri kami digunakan untuk mengumpul maklumat tentang politik, ketenteraan atau ekonomi yang sensitif bagi kerajaan atau badan-badan lain yang mungkin mempunyai tujuan selain daripada tujuan kemanusiaan.**

Kami juga mengesahkan dan menguatkuasakan hak asasi manusia yang selaras dengan *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat PBB, Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak dan Buletin Setiausaha Agung PBB mengenai Perlindungan daripada Eksploitasi Seksual dan Penganiayaan Benefisiari*.

Tanggungjawab Bersama Kami dalam Mendukung Kod Ini

Mendukung Kod ini merupakan tanggungjawab bersama yang dikongsi oleh semua yang terlibat dalam menyampaikan misi IRC. Ia diguna pakai kepada semua pengarah IRC, pegawai, pekerja, pelatih, sukarelawan, kakitangan insentif dan rakan kongsi yang bekerja bagi pihak IRC.

Tanggungjawab Individu

Anda bertanggungjawab untuk membiasakan diri dengan standard kelakuan yang diguna pakai untuk tugas anda. Anda akan memenuhi bahagian anda apabila anda:

- **Mengambil tahu** dengan mempelajari standard kelakuan yang telah diguna pakai untuk peranan anda dan mengambil bahagian dalam sesi latihan etika dan pematuhan.
- **Mendapatkan bimbingan** dan mengadakan rundingan dengan orang lain apabila kurang jelas tentang tindakan yang sesuai.
- **Mempunyai pendirian yang tegas** dengan menentang tekanan yang boleh menjejaskan standard kami atau mengambil jalan mudah secara tidak beretika untuk memenuhi objektif.
- **Mengemukakan kebimbangan** jika sesuatu perkara kelihatan tidak betul.

Tanggungjawab Pengurus

Sekiranya anda mengurus atau menyelia orang lain, anda berada dalam kedudukan diberi kepercayaan. Untuk mengekalkan kepercayaan tersebut, anda harus sentiasa:

- **Memimpin melalui teladan** dan menjadi contoh model yang berperanan positif kepada orang lain.
- **Meningkatkan kesedaran** tentang standard IRC dan memastikan orang di bawah penyeliaan anda dilengkapi dengan pengetahuan dan sumber-sumber yang mereka perlukan untuk mematuhi standard itu.
- **Memantau kelakuan** orang di bawah penyeliaan anda serta bertanggungjawab terhadap aktiviti-aktiviti yang berlaku di bawah penyeliaan anda.
- **Menjadi responsif** terhadap sesiapa yang mengemukakan kebimbangan etika atau pematuhan serta memastikan perkara-perkara tersebut diselesaikan secara adil dan wajar.





Komitmen Kami terhadap Rakan Sekerja Kami

IRC komited untuk memastikan keadaan yang selamat dan terjamin bagi semua pekerja, tanpa mengira kedudukan atau lokasi, dan juga mengekalkan persekitaran kerja yang menggalakkan kesejahteraan, daya tahan, kesihatan dan produktiviti kakitangan.

Anda Mendukung Cara IRC Apabila Anda:

- ✓ Melayan semua rakan sekerja dengan penuh maruah dan rasa hormat.
- ✓ Membuat keputusan pekerjaan berdasarkan kebolehan dan keupayaan individu, bukannya berdasarkan ciri peribadi yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.
- ✓ Menghormati hak semua individu.
- ✓ Memberikan kemudahan yang munasabah kepada orang yang kurang upaya atau yang memerlukan keperluan khas.
- ✓ Menolak apa-apa bentuk keganasan atau penyalahgunaan kuasa.
- ✓ Sentiasa peka akan kepentingan keselamatan, mengikut protokol keselamatan tempatan dan menghentikan apa-apa kerja yang tidak didapati selamat.
- ✓ Melindungi kerahsiaan maklumat peribadi.

Anda Harus Elakkan:

- X Menilai individu berdasarkan faktor yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.
- X Jenaka yang kesat, komen yang menyinggung perasaan, e-mel yang menghina atau imej seks yang eksplisit.
- X Bekerja semasa berada di bawah pengaruh alkohol atau bahan-bahan terlarang.
- X Mendedahkan maklumat pekerja dengan tidak sewajarnya, termasuk maklumat peribadi.

Anda Harus Melaporkan:

- ▲ Penderaan atau gangguan seksual yang tidak dikehendaki, tidak sesuai atau kurang sopan.
- ▲ Buli, ancaman, intimidasi, pilih kasih, perbuatan meremeh-temehkan, kecaman secara lisan atau fizikal.
- ▲ Situasi yang mengancam keselamatan atau kesejahteraan kakitangan.
- ▲ Penentangan terhadap individu disebabkan oleh bangsa, agama, jantina, identiti jantina, orientasi seksual, kecacatan, status veteran atau ciri-ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang.

SOALAN: *Saya terdengar seorang rakan sekerja saya bercakap tentang wanita-wanita yang bekerja bersama kami dalam cara yang sangat tidak menghormati mereka. Dia hanya melakukannya apabila tidak ada wanita di sekelilingnya. Walaupun hanya secara bergurau, tetapi dia sering melakukannya. Ini membuatkan saya berasa tidak selesa. Apakah yang harus saya lakukan?*

JAWAPAN: Jika anda berasa selesa, bawalah orang tersebut ke tepi dan terangkan bahawa anda merasakan perkataannya menyinggung perasaan. Sekiranya anda berasa tidak selamat untuk berbuat demikian, atau jika dia masih tidak mengubah tingkah lakunya selepas anda bercakap dengannya, ikut tatacara yang dinyatakan di bahagian "Mendapatkan Bantuan" dalam Kod ini.

SOALAN: *Pada minggu lepas, pengurus kami meminta kami untuk membuat lawatan lapangan ke suatu lokasi. Apabila saya memberitahunya bahawa pihak keselamatan telah menetapkan kawasan tersebut sebagai kawasan larangan atas sebab kebimbangan keselamatan, dia mencadangkan agar kita pergi sahaja kerana ada klien yang memerlukan bantuan. Apakah yang harus saya lakukan?*

JAWAPAN: Keselamatan kakitangan kami adalah sangat penting, dan pihak keselamatan telah menetapkan protokol tempatan dengan mengambil kira faktor ini. Jika anda berasa tertekan untuk mengkompromikan standard keselamatan, ikut tatacara yang dinyatakan di bahagian "Mendapatkan Bantuan" dalam Kod ini.



Dasar dan Panduan IRC yang Berkaitan:

- Equal Employment Opportunity Policy (Dasar Peluang Pekerjaan yang Sama)
- Harassment Free Workplace Policy (Dasar Tempat Kerja Bebas Gangguan)
- Accommodation Policy (Dasar Penyesuaian)
- Substance Use in the Workplace Policy (Dasar Penggunaan Bahan di Tempat Kerja)
- Workplace Violence Policy (Dasar Keganasan Di Tempat Kerja)
- IRC Global Safety and Security Policy (Dasar Keselamatan Global IRC)
- Confidentiality Policy (Dasar Kerahsiaan)
- Security and safety protocols (Protokol keselamatan)





Komitmen Kami terhadap Klien Kami

IRC membantu kehidupan dan mata pencarian mereka yang musnah akibat konflik dan bencana untuk terus hidup, serta membantu memulihkan dan menguasai semula masa depan mereka. Ini memerlukan komitmen kami untuk meningkatkan kesejahteraan mereka dan bertindak dengan rasa hormat dalam melaksanakan peranan kemanusiaan yang penting ini yang telah diamanahkan kepada kami.

Anda Mendukung Cara IRC Apabila Anda:

- ✓ Menghormati darjat, nilai, sejarah, agama dan budaya mereka yang menerima perkhidmatan kami.
- ✓ Memilih klien mengikut keperluan, selaras dengan spesifikasi program, tanpa mengambil kira bangsa, kepercayaan, kewarganegaraan atau perbezaan yang lain.
- ✓ Melindungi klien daripada segala bentuk penganiayaan, termasuk eksploitasi seksual dan aktiviti pemerdagangan manusia.
- ✓ Melaksanakan penjagaan khas untuk melindungi kanak-kanak.
- ✓ Menghormati kerahsiaan, mematuhi protokol perlindungan data dan berkongsi maklumat peribadi tentang klien hanya atas dasar perlu tahu sahaja yang selaras dengan peraturan penderma.
- ✓ Menggambarkan klien sebagai manusia yang bermaruah dalam mana-mana imej yang digunakan dalam komunikasi IRC, dan hanya menggunakan imej individu yang telah mendapatkan persetujuan secara bertulis dan termaklum.
- ✓ Memastikan penyelidikan IRC yang melibatkan subjek manusia diluluskan dengan sewajarnya sebelum dimulakan.

Anda Harus Elakkan:

- X Merekrut klien untuk bekerja sebagai kakitangan IRC dalam kapasiti peribadi (misalnya, sebagai pekerja rumah tangga).
- X Melibatkan diri dalam apa-apa bentuk tingkah laku yang menakutkan, memalukan, merendahkan atau perbuatan agresif terhadap klien.
- X Menghukum atau mendisiplinkan klien secara fizikal.
- X Aktiviti seksual atau apa-apa jenis hubungan intim dengan klien daripada mana-mana peringkat umur.
- X Urus niaga seks tidak kira undang-undang tempatan yang mungkin membenarkannya.
- X Memaksa klien untuk menjual atau melepaskan barangan bantuan.

Anda Harus Laporkan:

- ▲ Eksploitasi klien dalam apa jua bentuk.
- ▲ Keputusan yang korup atau berat sebelah untuk memasukkan atau mengecualikan klien.
- ▲ Penyalahgunaan kuasa atau kedudukan dalam penyampaian bantuan kemanusiaan.
- ▲ Pendedahan secara tidak wajar maklumat sulit yang berkaitan dengan klien.

SOALAN: *Saya ingin menyokong perniagaan milik pelarian, jadi saya menggunakan salah satu rumah penjagaan kanak-kanak kepunyaan klien kami. Adakah ini dibenarkan?*

JAWAPAN: Biasanya kakitangan boleh melanggan perniagaan sah yang dimiliki oleh klien jika mereka memilih untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, terma/harga yang ditawarkan kepada kakitangan IRC harus sama dengan harga yang ditawarkan kepada orang awam.

SOALAN: *Saya mengetahui bahawa seorang klien menggunakan maklumat palsu untuk mendapatkan status pelarian. Walaupun dia tidak memenuhi syarat status sebagai pelarian, tetapi saya tahu bahawa dia melarikan diri daripada kehidupan yang sangat sukar di rumah. Adakah saya harus melaporkannya?*

JAWAPAN: Ya, anda harus membangkitkan kebimbangan anda sebagaimana yang dinyatakan di bahagian "Mendapatkan Bantuan" dalam Kod ini. Walaupun anda mungkin tertarik untuk "melihat keadaan ini dari sudut yang lain", tetapi ini bukanlah perkara yang betul untuk dilakukan.

SOALAN: *Kami telah membuat lawatan lapangan pada minggu lepas dan menghabiskan masa bermalam jauh dari rumah. Saya mempunyai alasan yang baik untuk mempercayai bahawa salah seorang daripada rakan sekerja saya telah mengupah seorang pelacur semasa lawatan tersebut. Apakah yang harus saya lakukan?*

JAWAPAN: Perbuatan ini melanggar standard IRC, dan anda harus mengikuti tatacara yang dinyatakan di bahagian "Mendapatkan Bantuan" dalam Kod ini.



Dasar dan Panduan IRC yang Berkaitan:

- Beneficiary Protection from Exploitation and Abuse Policy (Dasar Perlindungan Benefisiari daripada Eksploitasi dan Penganiayaan)
- Child Safeguarding Policy (Dasar Perlindungan Kanak-kanak)
- Combatting Trafficking in Persons Policy (Dasar Memerangi Permerdagangan Orang)
- Confidentiality Policy (Dasar Kerahsiaan)
- Open Information Policy (Dasar Maklumat Terbuka)
- Institutional Review Board Procedures Guide for Researchers (Panduan Tatacara Lembaga Kajian Institusi Bagi Penyelidik-penyelidik)



Bacaan Lanjut:

- Tatakelakuan bagi Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa dan NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) dalam Bantuan Malapetaka
- Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat PBB, Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak
- Pengisytiharan Setiausaha Agung PBB mengenai Perlindungan daripada Eksploitasi Seksual dan Penganiayaan Benefisiari.

Komitmen Kami terhadap Penderma Kami

Penderma kami menyediakan sumber yang membolehkan pekerjaan kami dapat dilakukan. Oleh itu, kami mesti menjadi pengawas yang bertanggungjawab bagi sumber-sumber tersebut. Kami komited untuk sentiasa mematuhi peraturan dan terma yang telah ditetapkan oleh penderma institusi kami, serta melaksanakan harapan semua penderma bahawa pembiayaan yang telah mereka huluskan kepada klien diberikan secara cekap dan berkesan.

Anda Mendukung Cara IRC Apabila Anda:

- ✓ Memahami peraturan penderma yang diguna pakai untuk prestasi dan kebertanggungjawaban.
- ✓ Memastikan laporan catatan masa, laporan perbelanjaan, pembubaran awal dan dokumen kewangan yang lain adalah tepat.
- ✓ Memilih rakan kongsi yang dapat memberikan hasil yang terbaik kepada klien dan memantau kerja mereka sewajarnya, selaras dengan peraturan penderma.
- ✓ Melindungi maklumat sulit dan proprietari penderma institusi dan data privasi peribadi individu.
- ✓ Memaklumkan penderma apa-apa kesilapan dalam maklumat yang dilaporkan, dan berusaha ke arah ketelusan.
- ✓ Melaksanakan permohonan geran secara bertulis, pengumpulan dana, permohonan mendapatkan sumbangan dan aktiviti pemasaran secara jujur dan dengan integriti, selaras dengan semua undang-undang yang diguna pakai.
- ✓ Sentiasa jujur dan bersiap sedia dalam kesemua pernyataan mengenai IRC dan prestasinya.

Anda Harus Elakkan:

- X Tidak mematuhi syarat-syarat permohonan geran secara bertulis atau penggunaan pembiayaan yang tidak wajar.
- X Pemalsuan laporan masa dan usaha, perbelanjaan atau kos.
- X Menggunakan kumpulan dana yang sedia ada untuk menampung perbelanjaan dana yang lain tanpa kebenaran penderma.
- X Membesar-besarkan atau memutarbalikkan keperluan program, kos, jumlah klien atau hasil.
- X Memanipulasikan pemilihan, penggunaan yang tidak dibenarkan atau pemantauan rakan kongsi tempatan yang tidak mencukupi.
- X Memutarbalikkan tuntutan mengenai perkhidmatan organisasi yang lain berbanding dengan kami sendiri.
- X Mengumpulkan maklumat sensitif politik, ketenteraan atau ekonomi bagi pihak mana-mana penderma untuk tujuan selain daripada kemanusiaan.
- X Menerima hadiah-hadiah daripada penderma yang berasal daripada atau berkaitan dengan aktiviti haram, jenayah atau penipuan.

Anda Harus Laporkan:

- ▲ Pemalsuan laporan masa, perbelanjaan atau kos.
- ▲ Pendaftaran klien yang palsu.
- ▲ Pencurian atau pengalihan bantuan atau sumber-sumber.
- ▲ Amalan pengutipan derma yang tidak betul.

SOALAN: *Saya tahu kos tertentu, seperti kos alkohol atau hiburan, tidak dibenarkan dalam permohonan. Bolehkah saya mencatatkan item ini sebagai "runcit" supaya ia tidak menonjol dalam laporan kewangan?*

JAWAPAN: Tidak, anda tidak boleh mengelirukan perbelanjaan untuk dibayar daripada baki garis perbelanjaan yang lain atau mengenakan apa-apa kos yang tidak dibenarkan kepada mana-mana item garis perbelanjaan. Kos yang tidak dibenarkan yang ditanggung oleh pejabat harus dicaj kepada dana yang tidak terbatas sahaja.

SOALAN: *Sudah hampir di penghujung geran dan saya baru sahaja menerima permintaan pembelian yang penting untuk peralatan komputer untuk menghabiskan baki perbelanjaan. Haruskah saya meluluskan pembelian ini untuk mengemukakan laporan geran yang telah dibelanjakan sepenuhnya?*

JAWAPAN: Tidak, anda tidak boleh membuat pembelian yang berjumlah besar di penghujung geran supaya pembelian ini dibayar daripada baki garis perbelanjaan.

SOALAN: *Program yang saya usahakan mempunyai sasaran untuk mencapai 50 peratus wanita. Pasukan ini mendaftarkan wanita sebagai klien untuk membuatkan angka-angka ini kelihatan baik dalam laporan, tetapi secara praktikalnya, kami menyampaikan perkhidmatan program kepada suami mereka, bukannya secara langsung kepada klien wanita seperti yang dinyatakan. Apakah yang boleh saya lakukan?*

JAWAPAN: Anda harus mengajukan kebimbangan ini sebagaimana yang diterangkan di bahagian "Mendapatkan Bantuan" dalam Kod ini.



Dasar dan Panduan IRC yang Berkaitan:

- Confidentiality Policy (Dasar Kerahsiaan)
- Fiscal Integrity Policy (Dasar Integriti Fiskal)
- Organizational Gift Solicitation and Acceptance Policy (Dasar Mendapatkan Sogokan dan Menerima Hadiah Organisasi)
- Open Information Policy (Dasar Maklumat Terbuka)
- Manual program IRC, prosedur operasi standard dan dokumen panduan lain yang berkaitan dengan tugas-tugas
- Prosedur operasi standard Rantaian Bekalan
- Dasar IT yang mengawal peralatan dan perlindungan data
- Finance manuals (Manual kewangan)



Komitmen Kami terhadap Pembekal Kami

Mendapatkan nilai yang baik untuk pembelian kami memerlukan integriti yang tinggi di sepanjang rantai bekalan kami. Kami komited terhadap persaingan yang bebas dan adil dalam kalangan pembekal, mendapatkan sokongan para pembekal dalam sama-sama berkongsi kepatuhan kami terhadap amalan yang beretika dan bertanggungjawab dan untuk membanteras amalan penipuan atau rasuah oleh mereka yang mencari keuntungan yang tidak wajar daripada bantuan yang ditujukan kepada klien.

Anda Mendukung Cara IRC Apabila Anda:

- ✓ Mendedahkan apa-apa “konflik kepentingan” yang sebenar atau tanggapan dalam perolehan—iaitu, apabila kepentingan peribadi mungkin mengganggu promosi kepentingan IRC.
- ✓ Memastikan nilai yang baik apabila merancang program dan membeli barangan dan perkhidmatan.
- ✓ Mengikut dasar perolehan, termasuk dasar yang berkaitan dengan permintaan pembelian, notis tawaran, analisis tawaran, kontrak dan usaha wajar pembekal.
- ✓ Melayan pembekal yang berkelayakan dan wakil mereka secara adil dan sama rata.
- ✓ Memerhatikan kerahsiaan yang ketat dengan maklumat pembekal, harga, terma dan syarat-syarat.
- ✓ Memberikan pembekal penjelasan yang lengkap dan jelas apabila menolak tawaran.
- ✓ Mengekalkan pengasingan tugas yang berkaitan dengan permintaan, kebenaran dan pengesahan pembelian.
- ✓ Membincangkan dasar perolehan berkaitan yang ditubuhkan oleh kerajaan atau penderma institusi di mesyuarat-mesyuarat geran.
- ✓ Menentukan sama ada lesen eksport diperlukan atau sekatan dikenakan sebelum mendapatkan apa-apa barangan, perisian atau teknologi yang dikawal oleh kerajaan atau berhubung dengan negara yang mengawal eksport dan import.

Anda Harus Elakkan:

- X Perkongsian maklumat secara tidak sama rata kepada pembekal semasa proses tawaran.
- X Mendedahkan maklumat sulit satu pembekal kepada pembekal yang lain.
- X Menerima apa-apa tawaran yang bernilai (termasuk hadiah, bantuan, hiburan, rasuah atau sogokan) yang mewujudkan atau kelihatan seperti mewujudkan pengaruh yang tidak wajar atau kelebihan yang tidak adil.
- X Menerima barangan atau perkhidmatan yang kurang baik atau sebagai pengganti yang tidak memenuhi spesifikasi.

Anda Harus Laporkan:

- ▲ Spesifikasi tender, dokumen tawaran atau prakelayakan pembekal yang berat sebelah.
- ▲ Penipuan tawaran, pakatan sulit atau amalan-amalan yang tidak adil dalam kalangan pembekal.
- ▲ Usaha wajar pembekal yang tidak mencukupi.
- ▲ Urus niaga dengan pihak yang terlibat dalam aktiviti pengganas, eksploitasi buruh kanak-kanak, penyalahgunaan hak asasi manusia, keadaan kerja yang tidak selamat atau tidak munasabah, atau pembuatan, bekalan atau pengangkutan senjata yang tidak sah.
- ▲ Permintaan untuk membuat pembayaran kepada nama selain daripada pihak yang terikat dengan kontrak.

SOALAN: *Seorang pembekal IRC yang berpotensi baru menjemput saya untuk makan malam. Bolehkah saya pergi?*

JAWAPAN: Ya, menerima jemputan makan daripada pembekal biasanya boleh diterima dengan syarat jemputan makan tersebut: 1) tidak boleh kelihatan mewah secara tidak wajar atau merupakan percubaan untuk mempengaruhi sesuatu keputusan atau tindakan; 2) jarang berlaku (misalnya, tidak lebih daripada dua kali setahun); 3) berlaku di tempat yang bereputasi baik; 4) tidak melanggar mana-mana undang-undang; dan 5) tidak akan memalukan IRC jika didedahkan secara terbuka.

SOALAN: *Kami baru sahaja melalui proses kelayakan pembekal tetapi kami telah melangkau lawatan tapak ke vendor. Rakan sekerja saya mereka-reka maklumat di bahagian borang tersebut yang telah kami serahkan. Apakah yang harus saya lakukan?*

JAWAPAN: Memalsukan maklumat tentang usaha wajar pembekal adalah tidak boleh diterima. Anda harus mengikut tatacara yang dinyatakan di bahagian "Mendapatkan Bantuan" dalam Kod ini.

SOALAN: *Produk yang kami terima daripada pembekal menggunakan kualiti bahan yang lebih rendah daripada yang telah kami pesan. Tidak ada sebab yang baik untuk hal ini berlaku, tetapi seseorang mesti telah membenarkannya. Patutkah saya mengabaikan hal ini?*

JAWAPAN: Tidak, anda harus mengajukan kebimbangan ini sebagaimana yang diterangkan di bahagian "Mendapatkan Bantuan" dalam Kod ini. Walaupun produk tersebut mungkin berbeza atas sebab-sebab tertentu, tetapi kami tidak boleh membenarkan penggantian dengan produk yang lebih rendah mutunya.



Dasar dan Panduan IRC yang Berkaitan:

- Fiscal Integrity Policy (Dasar Integriti Fiskal)
- Global Mandatory Document Retention Policy (Dasar Penyimpanan Dokumen Mandatori Global)
- Procurement manuals (Manual perolehan)



Bacaan Lanjut:

- Penerbitan Pejabat Inspektor Jeneral USAID: Penunjuk Penipuan
- Penerbitan Pejabat Inspektor Jeneral USAID: Pencegahan Penipuan dan Pematuhan—Panduan Poket untuk Tindak balas Krisis Kemanusiaan Timur Tengah



Komitmen Kami terhadap Rakan Kongsi Kami

Bekerjasama dengan organisasi masyarakat sivil tempatan, kebangsaan dan antarabangsa, serta entiti sektor kerajaan dan swasta, merupakan asas kepada misi IRC. Kami komited untuk mempromosikan perkongsian yang berkesan bagi membolehkan IRC mencapai matlamat strategiknya, dan membawa kepada bantuan yang lebih berkesan, responsif dan tahan lama untuk mencapai lebih ramai orang.

Anda Mendukung Cara IRC Apabila Anda:

- ✓ Menggalakkan perkongsian berdasarkan kebertanggungjawaban, ketelusan, rasa hormat, keadilan dan penyertaan.
- ✓ Memilih rakan kongsi yang mampu melaksanakan tanggungjawab dan memastikan bahawa mereka menerima sokongan yang diperlukan untuk memenuhi standard prestasi yang telah ditetapkan.
- ✓ Memberi rakan kongsi kredit penuh untuk peranan yang mereka laksanakan dalam pencapaian hasil program.
- ✓ Menyokong rakan kongsi bagi mengelakkan dan mengurangkan, setakat yang munasabah secara praktikal, risiko keselamatan dan keselamatan yang dijangka.
- ✓ Memastikan komunikasi dua hala yang jelas, secara terbuka dan terhormat mengenai prestasi.
- ✓ Mengambil langkah yang sesuai untuk memastikan bahawa dana IRC digunakan selaras dengan undang-undang, keperluan penderma dan standard IRC yang berkenaan.
- ✓ Melibatkan rakan kongsi tempatan dalam perancangan, reka bentuk, pelaksanaan dan kajian semula program IRC apabila perlu.

Anda Harus Elakkan:

- X Bersikap merendah-rendahkan atau tidak menghormati organisasi rakan kongsi dan kakitangan mereka.
- X Apa-apa bentuk penyalahgunaan kuasa dalam hubungan rakan kongsi.
- X Tersalah nyatakan kerja rakan kongsi sebagai kerja IRC.

Anda Harus Laporkan:

- ▲ “Konflik kepentingan” yang sebenar atau tanggapan dalam hubungan rakan kongsi.
- ▲ Keputusan yang korup atau berat sebelah berkaitan dengan organisasi rakan kongsi.
- ▲ Pemilihan rakan kongsi yang melibatkan penipuan.
- ▲ Kecurian atau pengalihan perhatian terhadap bantuan atau sumber-sumber oleh rakan kongsi.
- ▲ Pemantauan prestasi atau keberkesanan rakan kongsi yang tidak mencukupi atau tidak ketat.

SOALAN: Ketua organisasi rakan kongsi telah meminta untuk melihat satu salinan perbelanjaan penerima anugerah utama yang dibiayai sebagai subpenerima. Bolehkah saya mengongsikannya?

JAWAPAN: Anda harus berunding dengan pengurus IRC yang bertanggungjawab mentadbir kewajipan kerahsiaan IRC kepada penderma, atau dengan Pejabat Peguam Am untuk menentukan sama ada perkongsian maklumat adalah dibenarkan.



Dasar dan Panduan IRC yang Berkaitan:

- Fiscal Integrity Policy (Dasar Integriti Fiskal)
- IRC Global Safety and Security Policy (Dasar Keselamatan Global IRC)
- Beneficiary Protection from Exploitation and Abuse Policy (Dasar Perlindungan Benefisiari daripada Eksploitasi dan Penganiayaan)
- Conflict of Interest Policy for Employees (Dasar Konflik Kepentingan untuk Pekerja)
- Open Information Policy (Dasar Maklumat Terbuka)
- Sub-Award Partnership Management System (Sistem Pengurusan Perkongsian Subanugerah)
- Finance manuals (Manual kewangan)



Bacaan Lanjut:

- Tatakelakuan bagi Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa dan NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) dalam Bantuan Malapetaka



Komitmen Kami terhadap Organisasi Kami

IRC mengubah sumbangan para penderma kepada bentuk bantuan kemanusiaan untuk klien. Untuk berbuat demikian, IRC harus kekal tidak berkompromi dan cekap dalam menjalankan tugasnya. Kita mesti melindungi aset-aset IRC dan mendahulukan kepentingan organisasi.

Anda Mendukung Cara IRC Apabila Anda:

- ✓ Mengelakkan atau mendedahkan kepada penyelia anda tentang “konflik kepentingan” sebenar atau tanggapan—iaitu, situasi apabila kepentingan peribadi dalam penghasilan boleh mengganggu atau bertentangan dengan kepentingan IRC.
- ✓ Menggunakan sumber IRC secara bertanggungjawab dan sah serta memastikannya selamat daripada kecurian, penipuan, pembaziran, penyalahgunaan atau bahaya (tanpa membahayakan diri anda sendiri atau orang lain).
- ✓ Mengekalkan laporan dan rekod yang tepat.
- ✓ Memastikan pengawalan yang betul dan mengekalkan pengasingan tugas yang berkaitan dengan permintaan, kebenaran dan pengesahan pembelian.
- ✓ Memantau laporan perbelanjaan, pembayaran vendor, maklumat angka gaji dan variasi anggaran perbelanjaan bagi apa-apa aktiviti luar biasa.
- ✓ Melindungi maklumat sulit dan proprietari daripada akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan.
- ✓ Menyimpan dan memusnahkan dokumen mengikut dasar penyimpanan dokumen.
- ✓ Bekerjasama sepenuhnya apabila diminta memberikan maklumat kepada juruaudit atau penyiasat IRC.

Anda Harus Elakkan:

- X Menggunakan kedudukan atau maklumat IRC untuk keuntungan peribadi.
- X Menggunakan masa atau harta benda IRC untuk melaksanakan kerja bagi majikan yang lain.
- X Mengambil bahagian, tanpa pendedahan, dalam keputusan mengambil pekerja atau kontrak yang melibatkan individu atau entiti yang anda mempunyai hubungan melebihi hubungan kerja profesional.
- X Mendapatkan, menerima atau menawarkan apa-apa yang bernilai (termasuk hadiah, bantuan, hiburan, rasuah atau sogokan) yang mewujudkan atau mungkin kelihatan sebagai mewujudkan pengaruh yang tidak wajar atau kelebihan yang tidak adil.
- X Memalsukan rekod atau laporan (termasuk resit, laporan catatan masa, inventori, penyata kewangan, data program, dsb.).
- X Mengelakkan atau mengawal kawalan dalaman dengan tidak betul.
- X Memasang perkakasan atau perisian IT tanpa kebenaran.
- X Memusnahkan rekod yang responsif kepada audit, penyiasatan, tuntutan mahkamah atau tuntutan yang masih aktif atau dijangkakan.
- X Memberikan respons yang palsu, mengelirukan atau tidak lengkap kepada permintaan maklumat oleh juruaudit atau penyiasat IRC.

Anda Harus Laporkan:

- ▲ Penipuan, kecurian, sogokan atau penggelapan.
- ▲ Penggunaan bahan IT IRC untuk faedah peribadi, aktiviti politik, pengiklanan yang tidak dikehendaki, atau permintaan sumbangan atau pelaksanaan kegiatan yang dilarang.
- ▲ Tindakan yang boleh menjejaskan reputasi IRC atau membahayakan imej awam.

SOALAN: *Syarikat abang ipar saya menyediakan perkhidmatan yang IRC berharap untuk dapatkan. Bolehkah saya memberitahu abang ipar saya tentang peluang tersebut?*

JAWAPAN: Sekiranya peluang tersebut telah diumumkan secara terbuka, maka anda boleh memberitahu abang ipar anda. Walau bagaimanapun, anda tidak harus mengatakan atau melakukan apa-apa yang boleh dilihat sebagai memberi abang ipar anda kelebihan yang tidak adil berbanding dengan pembekal berpotensi yang lain. Contohnya, anda tidak harus berkongsi apa-apa maklumat bukan awam mengenai IRC atau sesuatu peluang. Akhirnya, anda mesti mendedahkan hubungan anda dengan jabatan perolehan, dan anda tidak boleh menjadi sebahagian daripada proses membuat keputusan untuk peluang tersebut.

SOALAN: *Bagaimanakah saya tahu sama ada sesuatu perkara mengandungi "maklumat sulit" yang tidak boleh didedahkan tanpa kebenaran?*

JAWAPAN: Kerahsiaan sering ditentukan berdasarkan kes demi kes. Berhati-hati dan anggap bahawa semua maklumat IRC adalah proprietari. Bukan semua dokumen sulit akan ditandakan "sulit". Jika anda kurang pasti tentang sesuatu dokumen, sila dapatkan arahan daripada pengurus anda atau Pejabat Peguam Am sebelum membuat apa-apa pendedahan.



Dasar dan Panduan IRC yang Berkaitan:

- Conflict of Interest Policy for Employees (Dasar Konflik Kepentingan untuk Pekerja)
- Fiscal Integrity Policy (Dasar Integriti Fiskal)
- Confidentiality Policy (Dasar Kerahsiaan)
- Information Technology Acceptable Use Policy (Dasar Penggunaan Teknologi yang Boleh Diterima)
- Global Mandatory Document Retention Policy (Dasar Penyimpanan Dokumen Mandatori Global)
- Media and Social Media Policies and Guidelines (Dasar dan Garis Panduan Media dan Media Sosial)
- Dasar IT lain yang mengawal peralatan IT dan perlindungan data
- USP guidance on lobbying (Panduan USP mengenai melobi)





Komitmen Kami terhadap Masyarakat

IRC komited untuk menjadi warganegara global yang bertanggungjawab. Interaksi kami dengan kerajaan, pengawal selia, media dan masyarakat tempatan mesti berasaskan kejujuran, kepercayaan dan keadilan. Kami menyokong peraturan dan undang-undang yang sah dan akan melakukan peranan kami untuk menggalakkan standard etika yang tinggi di negara-negara dan komuniti tempat kami bekerja.

Anda Mendukung Cara IRC Apabila Anda:

- ✓ Memberikan maklumat yang benar dan lengkap apabila berinteraksi dengan penderma, media, juruaudit, agensi kawal selia atau penyiasat.
- ✓ Menghubung kait kerja kami kepada inisiatif yang lebih besar yang memberi perlindungan, kestabilan dan penyertaan kepada penduduk yang telah berpindah.
- ✓ Meminimumkan dan mengurangkan apa-apa kesan buruk terhadap alam sekitar yang disebabkan oleh operasi kami.
- ✓ Memastikan aktiviti anda selaras dengan standard yang terkandung dalam Kod ini apabila mengenal pasti diri anda sebagai ahli IRC di media sosial.
- ✓ Mendapatkan bimbingan daripada Pejabat Peguam Am ketika berurusan dengan negara-negara di bawah sekatan ekonomi atau apabila dikemukakan permintaan boikot.
- ✓ Mendapatkan panduan daripada Komunikasi Global untuk semua jangkauan media, respons, temuduga dan pertanyaan sokongan awam.
- ✓ Mendapatkan bimbingan daripada Jabatan Sokongan untuk semua aktiviti melobi.

Anda Harus Elakkan:

- X Memberi atau menerima sesuatu yang bernilai kepada sesiapa (termasuk pegawai kerajaan) untuk mempengaruhi keputusan atau untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil.
- X Memberikan respons yang palsu, mengelirukan atau respons yang tidak lengkap untuk mendapatkan maklumat yang sah oleh agensi kerajaan.
- X Memberi tekanan kepada rakan sekerja untuk membuat sumbangan politik atau amal.
- X Melobi untuk tindakan perundangan atau menyertai apa-apa kempen politik bagi pihak IRC tanpa penglibatan daripada Jabatan Sokongan.
- X Persekutuan yang boleh mengganggu ketidakadilan anda (atau penampilan ketidakadilan) dalam menjalankan kerja IRC atau yang boleh merosakkan reputasi IRC.

Anda Harus Laporkan:

- ▲ Permintaan untuk bekerjasama dengan boikot yang tidak dibenarkan.
- ▲ Situasi yang membahayakan kesihatan, keselamatan atau persekitaran.

SOALAN: Seorang pegawai kastam memberitahu saya bahawa pelepasan kastam bagi komputer kami akan mengambil tempoh selama enam minggu. Dia juga membayangkan bahawa proses ini boleh dipercepatkan jika kami memberikan sedikit "insentif" kewangan kepadanya. Kami benar-benar memerlukan komputer ini dan dia hanya meminta jumlah yang sedikit. Bolehkah saya membayarnya?

JAWAPAN: Sudah tentu tidak. Melainkan jumlah yang dipohon ialah bayaran kerajaan yang dibenarkan, dikutip oleh kerajaan dan bayaran yang telus untuk mempercepatkan pelepasan secara sah, ini merupakan contoh pembayaran yang dilarang. IRC tidak akan terlibat dalam perbuatan yang tidak wajar, walaupun ini bererti bahawa operasi kami akan terjejas ataupun mendapat kesan negatif sebagai akibatnya.

SOALAN: Seorang ahli politik tempatan yang percaya pada dasar yang akan memberi manfaat kepada kerja-kerja IRC sedang bertanding untuk mendapatkan undian. Bolehkah kami membekalkan kertas dan menggunakan mesin fotokopi kami untuk membuat risalah iklan bagi tujuan kampanyenya?

JAWAPAN: Tidak, penggunaan masa, peralatan atau harta benda kepunyaan IRC untuk aktiviti politik adalah tidak dibenarkan.

SOALAN: Saya baru melihat satu kiriman di media sosial yang mendakwa bahawa IRC dengan sengaja mendiskriminasikan komuniti puak tertentu. Bolehkah saya membetulkan kiriman ini?

JAWAPAN: Anda tidak harus menanganinya sendiri dengan melibatkan diri dalam perdebatan sosial bagi pihak IRC. Anda harus melaporkan perkara itu kepada pengurus anda atau kepada pasukan Perhubungan IRC yang akan menentukan cara yang terbaik untuk menangani perkara tersebut.



Dasar dan Panduan IRC yang Berkaitan:

- Anti-Bribery Policy (Dasar Anti Rasuah)
- Anti-Money Laundering Policy (Dasar Antipelaburan Wang Haram)
- Fiscal Integrity Policy (Dasar Integriti Fiskal)
- Economic Sanctions and Anti-Terrorism Compliance Policy (Dasar Pematuhan Sekatan Ekonomi dan Antikeganasan)
- Export Control Policy (Dasar Kawalan Eksport)
- Anti-Boycott Policy (Dasar Antiboikot)
- Environmental Policy (Dasar Persekitaran)
- Procurement manuals (Manual perolehan)



Mendapatkan Bantuan

Bahagian ini menerangkan sumber-sumber yang sedia ada untuk penyelarasan Tatakelakuan ini di keseluruhan IRC dengan betul.

Cara Mengenal Pasti Dilema Etika:

Sebelum membuat keputusan atau melaksanakan apa-apa tindakan, pertimbangkan dimensi etika yang berpotensi tersebut dengan bertanya kepada diri sendiri terlebih dahulu:

- Adakah keputusan atau tindakan tersebut memenuhi maksud tersurat dan tersirat seperti dalam Kod IRC dan kewajipan luar?
- Siapakah yang mungkin dipengaruhi oleh keputusan itu?
- Adakah nasihat atau kepakaran tambahan akan dapat membantu?
- Sekiranya keputusan ini diumumkan kepada orang awam, adakah saya akan berasa selesa untuk menjelaskannya kepada rakan sekerja atau penyiasat?
- Adakah penilaian saya adil, atau adakah saya mempunyai kepentingan peribadi dalam penghasilan yang membuatkan saya kurang objektif?



Kewajipan Anda untuk Bersuara:


Salah satu aspek yang paling menyedihkan tentang salah laku ialah apabila orang melihatnya secara bertentangan. Sebagai tambahan dalam mengenali kewajipan etika dan undang-undang yang diguna pakai untuk tugas anda, anda disarankan untuk bersuara jika:

- Anda kurang pasti tentang tindakan yang betul dan memerlukan nasihat.
- Tindakan atau keputusan tertentu membuatkan anda kurang selesa.
- Anda mengetahui atau mengesyaki bahawa mana-mana pihak berikut telah, atau akan terlibat dalam kegiatan yang tidak sah atau tidak beretika berkaitan dengan kerja IRC:
 - Pengurus, kakitangan, pekerja insentif atau sukarelawan IRC
 - Pembekal
 - Rakan kongsi atau subkontraktor
 - Ejen, perunding atau perantara yang bertindak bagi pihak IRC.



Saluran untuk Mengemukakan Kebimbangan

IRC mempunyai beberapa saluran komunikasi untuk kakitangannya mendapatkan nasihat atau yang ingin melaporkan kebimbangan. Anda harus memilih saluran yang anda paling selesa, tetapi sila ambil perhatian bahawa rakan sekerja yang terdekat dengan situasi ini—penyelia atau pengurusan setempat anda—sering kali berada dalam kedudukan yang terbaik untuk membantu. Sumber-sumber yang tersedia, yang tersenarai dalam konteks "isu sampel", termasuk:



ISU SAMPEL

SUMBER-SUMBER UNTUK DIPERTIMBANGKAN

Perkara-perkara operasi tempatan	Penyelia/Pengurus Tempatan
Ketidaksefahaman di tempat kerja (tugasan kerja, penilaian prestasi, pampasan, faedah, konflik dengan penyelia atau rakan sekerja)	Sumber Manusia (HR)
Keselamatan kakitangan dan sumber-sumber IRC	Keselamatan
Laporan kewangan, perakaunan, laporan cukai, maklumat dan rekod	Kewangan
Pengumpulan Dana atau pematuhan dengan keperluan penderma atau geran	Unit Pengurusan Anugerah
Perkara-perkara perolehan atau rantaian bekalan	Rantaian Bekalan Global
Perkara-perkara perundangan atau tafsiran dasar	Pejabat Peguam Am
Perkara-perkara Tatakelakuan yang tidak disebutkan di atas, atau hal-hal yang masih belum diselesaikan selepas perundingan awal	Unit Etika dan Pematuhan

Sila ambil perhatian bahawa semua sumber-sumber adalah bertanggungjawab untuk menyelaraskan dengan Unit Etika dan Kepatuhan jika kebimbangan yang diterima mencerminkan potensi pelanggaran Kod Tingkah Laku IRC.

CARA UNTUK MENGEMUKAKAN KEBIMBANGAN





Integrity@rescue.org

Ini ialah peti e-mel yang dipantau oleh ECU di New York. Anda boleh menghantar pertanyaan dan apa-apa kebimbangan kepada alamat ini.

Talian Etika dan Pematuhan

Talian Etika dan Pematuhan tersedia apabila:

- **Anda berasa kurang selesa menggunakan saluran komunikasi yang lain.**
- **Saluran yang lain terbukti tidak berkesan atau kelihatan tidak responsif.**
- **Anda ingin melaporkan kebimbangan anda secara tanpa nama.**

Talian ini ditadbir oleh EthicsPoint, yang merupakan pihak ketiga yang bebas tanpa mengambil log atau mengenal pasti nombor telefon atau alamat IP komputer. Talian ini sentiasa bersedia 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, dalam pelbagai bahasa. Ia boleh digunakan oleh sesiapa yang terlibat dengan IRC (termasuk kakitangan, klien, pembekal atau rakan kongsi).

Jika anda menggunakan pilihan telefon, pakar terlatih dari EthicsPoint akan membuat ringkasan terperinci tentang soalan atau kebimbangan anda. Butiran akan dikemukakan kepada Unit Etika dan Pematuhan IRC untuk tindak balas selanjutnya.

Ketanpanamaan dan Kerahsiaan

Anda digalakkan untuk memberikan nama anda apabila mengemukakan kebimbangan. Ini membolehkan orang yang memberi tindak balas terhadap kebimbangan anda untuk menghubungi anda jika maklumat tambahan diperlukan bagi menangani kebimbangan anda dengan teliti. Memberikan nama anda juga membantu kami memastikan anda tidak mengalami apa-apa tindakan balas kerana membuat laporan secara jujur. (Terdapat kemungkinan untuk keadaan yang memerlukan anda mendedahkan identiti anda seperti yang disyaratkan oleh undang-undang atau diperlukan untuk penyiasatan penuh dan menangani kebimbangan anda.)

Sekiranya anda memilih untuk mendedahkan identiti diri anda semasa menggunakan Talian, IRC akan berusaha untuk memastikan kerahsiaan maklumat anda dan hanya berkongsi atas dasar perlu tahu sahaja antara mereka yang mengendalikan atau mengawasi isu-isu yang dilaporkan secara langsung.

Jika anda membuat laporan secara tanpa nama, anda perlu memberikan maklumat secara terperinci. EthicsPoint akan memberi anda nombor kes dan anda harus sentiasa menyemak laman web untuk menjawab permintaan maklumat daripada pasukan penyiasatan. Kes-kes yang kekurangan maklumat yang mencukupi untuk penyiasat meneruskan siasatan mereka mungkin akan ditutup.

IRC mengiktiraf bahawa individu mungkin ingin mengajukan kebimbangan secara tanpa nama, tetapi jangan gunakan Talian dengan niat jahat (misalnya, untuk memfailkan aduan yang dibuat-buat atas alasan yang tersembunyi). Laporan tanpa nama yang dibuat dengan niat jahat akan menjejaskan integriti Talian bagi semua orang.

EthicsPoint boleh dihubungi melalui telefon atau dalam talian:



TELEFON

Di luar A.S:

+1 (503) 352-8177

(panggilan pindah bayaran)

Di dalam A.S:

(866) 654-6461



DALAM TALIAN

Lawat irc.ethicspoint.com dan ikut arahan



Dasar Antitindakan Balas

IRC tidak akan bertolak ansur terhadap tindakan balas terhadap sesiapa yang, dengan niat baik, melaporkan kebimbangan atau mengambil bahagian dalam penyiasatan, walaupun tuduhan itu akhirnya tidak berasas.

Sesiapa pun, tanpa mengira kedudukan atau tempoh memegang jawatan, yang didapati terlibat dalam tindakan balas terhadap seseorang yang telah membangkitkan kebimbangan etika atau pematuhan akan dikenakan tindakan tatatertib dan mungkin diberhentikan. Sekiranya anda berasa anda telah menerima apa-apa tindakan balas, anda harus menghubungi Talian untuk mendapatkan bantuan.

IRC menggalakkan para pengurus dan pekerja untuk melaporkan pelanggaran laporan diri dan, bergantung pada keadaan tertentu, boleh menganggap laporan sendiri sebagai faktor pengurangan ketika membuat penilaian apa-apa tindakan disiplin.

Keresponsifan

IRC mengambil kesemua kebimbangan secara serius dan bertindak ke atas kesemua laporan tanpa mengambil kira pilihan. Bagi menghormati privasi individu yang mungkin terjejas oleh laporan anda, IRC mungkin tidak dapat memberikan anda hasil penyiasatan kami yang terperinci atau memaklumkan anda tindakan yang telah diambil. Sekiranya perlu, kami akan memberi anda status terkini supaya anda tahu kebimbangan anda mendapat respons yang sewajarnya. Ahli-ahli pengurusan kanan dan Jawatankuasa Audit bagi Lembaga Pengarah IRC juga akan memantau penyelesaian kes-kes ini.

R&S

SOALAN: *Saya agak yakin bahawa saya terlihat pelanggaran Cara IRC, tetapi saya tidak pasti dengan sepenuhnya. Saya tidak mahu melaporkan apa-apa jika ternyata saya salah. Apakah yang harus saya lakukan?*

JAWAPAN: Anda harus melaporkan kebimbangan anda dengan segera walaupun anda tidak mempunyai semua fakta supaya kakitangan yang sesuai boleh menyiasat isu tersebut dan menentukan sama ada pelanggaran telah berlaku. Selagi anda percaya secara munasabah bahawa pelanggaran telah berlaku, anda boleh melaporkannya dengan jujur dan anda telah melakukan perkara yang betul.

Penguatkuasaan



Sesiapa yang melanggar Kod IRC atau dasar asasnya, tanpa mengira kedudukan atau tempoh memegang jawatan, mungkin akan dikenakan tindakan disiplin, termasuk diberhentikan. Berikut ialah contoh tindakan yang boleh mengakibatkan tindakan disiplin:

- **Melanggar Kod**
- **Mengarah atau menggalakkan orang lain untuk melanggar Kod**
- **Kegagalan untuk membuat laporan tentang pelanggaran Kod yang diketahui atau disyaki**
- **Mengganggu kerja audit atau penyiasatan**
- **Tidak bekerjasama atau tidak jujur semasa audit atau penyiasatan**
- **Membalas dendam terhadap orang lain kerana menimbulkan kebimbangan**

Pelanggaran undang-undang atau peraturan boleh mencetuskan tindakan undang-undang terhadap anda, rakan sekerja anda, IRC atau rakan kongsinya atau pembekal yang boleh mengakibatkan:

- **Denda**
- **Penggantungan**
- **Pengecualian**
- **Penjara**

Orang-orang yang bekerja bagi pihak IRC akan diminta menandatangani satu kenyataan yang mengesahkan bahawa mereka memahami dan akan mematuhi Kod ini. Setiap orang akan menandatangani kenyataan tersebut apabila mereka mula bekerja untuk IRC, dan setiap tahun selepas itu jika dibenarkan oleh undang-undang.





Ibu Pejabat Antarabangsa

122 East 42nd Street
New York, New York 10168-1289
Amerika Syarikat
Telefon: + 1 212 551 3000
Faks: + 1 212 551 3179